

R B014 BAH EMA

MAHATHIR-AWAM

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM.

-----1984-----
KUALALUMPUR, 14 JULAI (BERNAMA) -- KAKITANGAN AWAM,, PERLU.

MENINGKATKAN KECEKAPAN. MASING-MASING MESKIPUN PERKHIDMATAN AWAM TELAH MENUNJUKKAN KEMATANGANNYA YANG SEMAKIN MENINGKAT, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

INI PERLU MEMANDANGKAN BERTAMBAHNYA TEKNOLOGI MODEN DAN PENGETAHUAN BARU, KATANYA DALAM UCAPANNYA DI JAMUAN MAKAN MALAM PERPISAHAN UNTUK BEKAS KETUA SETIAUSAHA NEGARA (KSN) TAN SRI HASHIM AMAN, DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI.

+DALAM KITAMENCARI LANGKAH-LANGKAH YANG SESUAI UNTUK MENINGKATKAN KECEKAPAN, ELOK JUGAKITA SEKALI-SEKALA MERESAPI SEMANGAT DAN KEUTUHANTOKOH-TOKOH PENTADBIRAN AWAM YANG TELAH MENUNJUKKAN KECEKAPAN DAN MENABURKAN JASA BAGI KESEJAHTERAAN NEGARA DAN MASYARAKAT,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN BELIAU BUKAN BERTUJUAN MENYERU KAKITANGAN AWAM MENCARI HERO DARI MASA KE SEMASA DALAM PERKHIDMATAN AWAM.+INI HENDAKLAH. DI LAKKAN,+ TEGASNYA.

APA YANG PERLU, KATANYA, IALAH MENERIMA DAN MEMUPUK NILAI-NILAI POSITIF YANG DITUNJUKKAN OLEH MEREKA YANG TELAH DIBERI KEPERCAYAAN MEMEGANG JAWATAN-JAWATAN TERTINGGI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN SEPERTI KETUA SETIAUSAHA NEGARA, KETUA-KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DAN KETUA-KETUA JABATAN ATAU AGENSI AWAM.--LAGI

MAHATHIR - AWAM 2 KUALA LUMPUR, (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA SETIAP PEGAWAIMUNGKIN MEMPUNYAI SEDEKIHIT SEBANYAK NILAI-NILAI NEGATIF TETAPI NILAI, SEDEMIKIAN SANGAT BERKURANGAN APABILA MEREKA MEMEGANG JAWATAN TINGGI.

+JANGANLAH PULAKITA MENJADIKAN NILAI NEGATIF ITU SEBAGAI ALASAN UNTUK MENGENEPIKAN SEMANGAT DAN NILAI POSITIF YANG DITUNJUKKAN OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN PERKHIDMATAN AWAM,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA TAN SRI HASHIM TELAH MENUNJUKKAN BEBERAPA CONTOH DAN KEPIMPINAN YANG BUKAN SAHAJA DIHARGAI OLEH KERAJAAN TETAPI JUGA OLEH PEGAWAI-PEGAWAI DALAM PERKHIDMATAN AWAM;

BELIAU YAKIN BEKAS KSN YANG BARU-BARU INI DILANTIK SEBAGAI PENERUSI PERNAS AKAN TERUS MEMBERIKAN KHIDMATNYA KEPADA KERAJAAN.

+SAYA PERCAYA PERNAS AKAN MENDAPAT MANFAAT DARI PADA PENGALAMAN YANG DIPEROLEHI OLEH TAN SRI HASHIM,+ TAMBAHNYA.--LAGI
2118MST 34 07 84

D791

R B018 BAH EMA

MAHATHIR - AWAM 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO) (AKHIR)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TAN SRI HASHIM TELAH BERKHIDMAT SELAMA HAMP R 27 TAHUN. DENGAN KERAJAAN DAN MENJALANKAN TUGASNYA DENGAN CEMERLANG SEBAGAI KETUA SETSAUSAHA NEGARA.

+SAYA MULA MENGENALI TAN SRI HASHIM AMAN SECARA DEKAT SEMASA BELIAU BERKHIDMAT SEBAGAI PENGARAH KERAJAAN NEGERI KELANTAN APABILA NEGERI ITU DIKSYTIHARKAN DALAM KEADAAN DARURAT PADA AKHIR TAHUN 1977 DAHULU,+ KATANYA.

+MELALUI USAHA YANG GIGIH, BELIAU TELAH BERJAYA MENDAPATKAN KERJASAMA DARIPADA GOLONGAN POLITIK DAN PENTADBIRAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN UNTUK KEMAJUAN DAN KESEJAHTERAAN NEGERI KELANTAN,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENGANGGAP TAN SRI HASHIM SEBAGAI PEGAWAI AWAM YANG TIDAK SUKA MENONJOLKAN DIRI DAN TIDAK SUKAKAN PUBLISITI -- SATU NILAI PERIBADI YANG BOLEH DIPUJI.

JIKARAMAI YANG SUKA MEMBUAT KENYATAAN DAN PENGUMUMAN UNTUK MENDAPAT PERHATIAN MASYARAKAT, BELIAU MEMBUAT KENYATAAN APABILA PERLU SAHAJA DAN DENGAN DEMIKIAN PELUANG MEDIA MASA UNTUK MEMETIK PEMIKIRAN DAN KENYATAAN BELIAU ADALAH TERHAD KATA PERDANA MENTERI.

TAN SRI HASHIM YANG KINI BERECUTI SEBELUM BERSARA MULAI 1 SEPTEMBER INI . --BERNAMA.

R B028 BRH

MAHATHIR - AWAM 4 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA B018)

SEMENTARA ITU TAN SRI HASHIM AMAN DALAM UCAPANNYA MENYOKONG. PENUH PENDAPAT DATUK SERI DR MAHATHIR YANG MENGATAKAN PERKHIDMATAN AWAM KINI SEMAKIN MENUNJUKKAN KEMATANGANNYA.

BELIAU TERHARU DENGAN PENGHORMATAN YANG DIBERIKAN KEPADANYA DAN MENGUCAPKAN TERIMAKASIH KEPADA KERAJAAN KERANA MEMBERINYA PELUANG DAN KEPERCAYAAN PENUH BAGI MEMIKUL TANGGUNGJAWAB YANG BESAR.

DI SAMPING ITU BELIAU JUGA MENYERU PARA PEGAWAI YANG TERLIBAT AGAR TERUS MEMBERIKAN KERJASAMA KEPADA PENGGANTINYA, TAN SRI SALLEHUDDIN MUHAMMAD SEPERTI YANG DIBERIKAN KEPADANYA.

DI AKHIR MAJLIS TERSEBUT, DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERI TELAH DENGAN SUKACITA MENYAMPAIKAN CENDERAMATA DAN SURAT KEPUJIAN KEPADA TAN SRI HASHIM DAN ISTERI. -- BERNAMA 2349MST 14 07 84